

Penyata Kewangan

85	Laporan Para Pengarah
91	Penyata Para Pengarah
91	Akuan Berkanun
92	Laporan Juruaudit
93	Penyata Pendapatan Disatukan
94	Lembaran Imbangan Disatukan
95	Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan
96	Penyata Aliran Tunai Disatukan
98	Penyata Pendapatan
99	Lembaran Imbangan
100	Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
101	Penyata Aliran Tunai
102	Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Laporan para Pengarah

ms 85

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan beraudit Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2006.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan pembinaan kejuruteraan awam.

Aktiviti-aktiviti utama subsidiari-subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama tersebut di sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan selepas cukai	181,426	116,112
Kepentingan minoriti	(12,868)	–
Keuntungan bersih bagi para pemegang saham	168,558	116,112

Tiada sebarang pemindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tersebut tidak dipengaruhi secara berkesan oleh sebarang butiran, urusaniaga atau peristiwa yang bersifat penting dan luar biasa.

DIVIDEN

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Syarikat semenjak 31 Julai 2005 adalah seperti berikut:

RM'000

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2005

Dividen akhir sebanyak 9% ditolak 28% cukai, dibayar pada 25 Januari 2006 48,809

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2006

Dividen interim sebanyak 7% ditolak 28% cukai, dibayar pada 28 April 2006 37,963

Pada Mesyuarat Agung yang akan datang, dividen akhir bagi tahun kewangan semasa yang berakhir 31 Julai 2006 sebanyak 9% ditolak 28% cukai ke atas 753,232,144 saham biasa mengakibatkan dividen kena bayar berjumlah RM48,809,443 (6.48 sen sesaham) akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang saham. Penyata kewangan untuk tahun semasa tidak mengambilkira cadangan dividen tersebut. Dividen tersebut, sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengagihan daripada keuntungan tertahan pada tahun berakhir berikutnya, 31 Julai 2007.

Laporan para Pengarah

ms 86

PARA PENGARAH

Nama-nama para pengarah Syarikat yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini ialah:

Y Bhg Tan Sri Dato' Ir. Talha bin Haji Mohd Hashim
Y Bhg Dato' Lin Yun Ling
Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi
Y Bhg Tan Sri Dato' Seri Dr Haji Zainul Ariff bin Haji Hussain
YAM Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah
Y M Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim
Y Bhg Dato' Kamarul Zaman bin Mohd Ali
Y Bhg Dato' Haji Azmi bin Mat Nor
Ng Kee Leen
Goon Heng Wah
Ha Tiing Tai
Wong Chin Yen
Saw Wah Theng
Chow Chee Wah (Bergilir-gilir dengan Y Bhg Dato' Lin Yun Ling)

MANFAAT PARA PENGARAH

Tidak pada akhir tahun kewangan, mahupun pada bila-bila masa sepanjang tahun, Syarikat menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang bertujuan untuk membolehkan para Pengarah mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat, selain daripada opsyen saham yang ditawarkan di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat ("SOSP").

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat ganjaran yang diterima atau terhutang kepada para pengarah yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan atau gaji tetap bagi pekerja sepenuh masa Syarikat) disebabkan oleh sesuatu kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau badan-badan korporat berkaitan dengan pengarah atau dengan sebuah firma di mana pengarah tersebut adalah seorang ahli atau dengan sebuah syarikat di mana pengarah itu mempunyai kepentingan kewangan yang nyata selain yang dinyatakan dalam Nota 38 kepada penyata kewangan.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam saham, opsyen dan waran Syarikat dan badan-badan korporat berkaitan di sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	<---Bilangan Saham Biasa Bernilai RM1 Setiap Satu ---> Perlaksanaan			
	1 Ogos 2005	SOSP/ Beli	Jual	31 Julai 2006
Gamuda Berhad				
Pegangan Langsung				
Y Bhg Tan Sri Dato' Ir. Talha bin Haji Mohd Hashim	325,828	-	-	325,828
Y Bhg Dato' Lin Yun Ling	46,848,818	-	-	46,848,818
Y Bhg Dato' Kamarul Zaman bin Mohd Ali	697,000	-	(30,000)	667,000
Ng Kee Leen	12,516,114	-	-	12,516,114
Goon Heng Wah	10,000,000	-	-	10,000,000
Ha Tiing Tai	11,907,938	-	-	11,907,938

KEPENTINGAN PARA PENGARAH (SAMB.)

<----Bilangan Saham Biasa Bernilai RM1 Setiap Satu ---->
Peraksanaan

	1 Ogos 2005	SOSP/ Beli	Jual	31 Julai 2006
Gamuda Berhad				
Pegangan Tidak Langsung				
YAM Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah*	77,400,000	-	(690,000)	76,710,000

* Dianggap berkepentingan menerusi Generasi Setia (M) Sdn. Bhd.

Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat

<-----Jumlah Opsyen ----->

	1 Ogos 2005	Diberikan Nota 30(c)	Tamat tempoh pada 25 Disember 2005	31 Julai 2006
Y Bhg Tan Sri Dato' Ir. Talha bin Haji Mohd Hashim	-	100,000	-	100,000
Y Bhg Dato' Lin Yun Ling	1,130,000	1,500,000	(1,130,000)	1,500,000
Y Bhg Tan Sri Dato' Mohd Ramli bin Kushairi	-	100,000	-	100,000
Y Bhg Tan Sri Dato' Seri Dr Haji Zainul Ariff bin Haji Hussain	-	100,000	-	100,000
YAM Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah	-	100,000	-	100,000
Y M Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	-	100,000	-	100,000
Y Bhg Dato' Kamarul Zaman bin Mohd Ali	810,000	630,000	(810,000)	630,000
Y Bhg Dato' Haji Azmi bin Mat Nor	510,000	715,000	(510,000)	715,000
Ng Kee Leen	910,000	900,000	(910,000)	900,000
Goon Heng Wah	110,000	900,000	(110,000)	900,000
Ha Tiing Tai	710,000	900,000	(710,000)	900,000
Wong Chin Yen	-	100,000	-	100,000
Saw Wah Theng	110,000	825,000	(110,000)	825,000
Chow Chee Wah	90,000	715,000	(90,000)	715,000

Waran-waran 1996/2006

<----- Jumlah Waran ----->

	1 Ogos 2005	Beli	Jual	31 Julai 2006
Pegangan Langsung				
Y Bhg Tan Sri Dato' Ir. Talha bin Haji Mohd Hashim	110	-	-	110
Y Bhg Dato' Lin Yun Ling	8,053,442	-	-	8,053,442
Y Bhg Dato' Kamarul Zaman bin Mohd Ali	172,000	-	(60,000)	112,000
Ng Kee Leen	2,288,000	-	-	2,288,000
Goon Heng Wah	1,788,158	-	-	1,788,158
Ha Tiing Tai	1,704,000	-	-	1,704,000

Pegangan Tidak Langsung

YAM Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah*	5,707,000	-	(1,507,000)	4,200,000
--	-----------	---	-------------	-----------

* Dianggap berkepentingan menerusi Generasi Setia (M) Sdn. Bhd.

Setiap Waran 1996/2006 memberi pemegang berdaftar hak untuk melanggan satu saham baru Syarikat pada harga pelaksanaan RM4.21 setiap satu pada bila-bila masa dalam tempoh sepuluh tahun selepas tarikh terbitan iaitu 30 Disember 1996.

Laporan para Pengarah

ms 88

KEPENTINGAN PARA PENGARAH (SAMB.)

Waran-waran 2001/2007

Pegangan Langsung	Jumlah Waran			31 Julai 2006
	1 Ogos 2005	Beli	Jual	
Y Bhg Dato' Lin Yun Ling	12,240,551	–	–	12,240,551
Y Bhg Dato' Kamarul Zaman bin Mohd Ali	271,500	–	–	271,500
Ng Kee Leen	4,308,335	–	–	4,308,335
Goon Heng Wah	2,996,000	–	–	2,996,000
Ha Tiing Tai	3,477,000	–	–	3,477,000

Pegangan Tidak Langsung

YAM Raja Dato' Seri Eleena Azlan Shah*	9,545,000	–	–	9,545,000
--	-----------	---	---	-----------

* Dianggap berkepentingan menerusi Generasi Setia (M) Sdn. Bhd.

Setiap Waran 2001/2007 memberi pemegang berdaftar hak untuk melanggan satu saham baru Syarikat pada harga pelaksanaan RM3.75 setiap satu pada bila-bila masa dalam tempoh enam setengah tahun selepas tarikh terbitan iaitu 22 Februari 2001.

Para pengarah yang lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham-saham, opsyen dan waran Syarikat atau badan-badan korporat yang berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

TERBITAN SAHAM

Pada tahun kewangan semasa, Syarikat telah menambahkan modal saham diterbitkan dan dibayar daripada RM749,572,144 ke RM753,232,144 melalui terbitan:

- 3,580,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu berkaitan dengan pelaksanaan SOSP pada harga pelaksanaan di antara RM3.25 dan RM4.32 sesaham;
- 80,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu berkaitan dengan pelaksanaan Waran 2001/2007 pada harga pelaksanaan RM3.75 sesaham.

WARAN-WARAN

- Waran-waran 1996/2006 dahulunya dikenali sebagai Waran-waran 1996/2001, yang dibentuk oleh Surat Ikatan Cabutan bertarikh 23 Disember 1996, boleh dilaksanakan pada bila-bila masa pada dan selepas 30 Disember 1996 sehingga 29 Disember 2006. Setiap Waran 1996/2006 membolehkan pemegang waran untuk melanggan satu saham biasa baru Syarikat bernilai RM1.00 setiap satu pada harga pelaksanaan RM4.21 setiap satu tertakluk kepada perubahan mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam Surat Ikatan Cabutan. Waran-waran 1996/2006 yang tidak dilaksanakan pada tarikh matang, akan kehilangan haknya dan menjadi tidak sah untuk apa-apa kegunaan.

Saham-saham yang diterbitkan daripada pelaksanaan Waran-waran 1996/2006 mempunyai taraf yang sama dalam semua hal dengan saham-saham biasa Syarikat kecuali pemegang-pemegang saham tersebut tidak akan layak untuk sebarang hak, dividen atau pengagihan yang lain melainkan pelaksanaan Waran 1996/2006 tersebut telah dijalankan sebelum tarikh tutup buku daftar-daftar saham untuk penentuan kelayakan pada hak-hak dan pengagihan tersebut.

Pada tarikh lembaranimbangan, jumlah Waran-waran 1996/2006 yang masih belum dilaksanakan berjumlah 71,138,640 unit.

WARAN-WARAN (SAMB.)

- (ii) Waran-waran 2001/2007 yang dibentuk oleh Surat Ikatan Cabutan bertarikh 27 November 2000, boleh dilaksanakan pada bila-bila masa pada dan selepas 22 Februari 2001 hingga 21 Ogos 2007. Setiap Waran 2001/2007 membolehkan pemegang waran untuk melanggan satu saham biasa baru Syarikat bernilai RM1.00 setiap satu pada harga pelaksanaan RM3.75 setiap satu tertakluk kepada perubahan mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam Surat Ikatan Cabutan. Waran-waran 2001/2007 yang tidak dilaksanakan pada tarikh matang, akan kehilangan haknya dan menjadi tidak sah untuk apa-apa kegunaan.

Saham-saham yang diterbitkan daripada pelaksanaan Waran-waran 2001/2007 mempunyai taraf yang sama dalam semua hal dengan saham biasa Syarikat kecuali pemegang-pemegang hak tersebut tidak akan layak untuk sebarang hak, dividen atau pengagihan yang lain melainkan pelaksanaan Waran-waran 2001/2007 tersebut telah dijalankan sebelum tarikh tutup buku daftar-daftar syer untuk penentuan kelayakan pada hak-hak dan pengagihan tersebut.

Pada tarikh lembaran imbangan, jumlah Waran-waran 2001/2007 yang masih belum dilaksanakan berjumlah 127,670,198 unit.

SKIM OPSYEN SAHAM PEKERJA

Skim Opsyen Saham Pekerja Kedua ("SOSP-2000") bagi Gamuda Berhad telah diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Luarbiasa pada 31 Oktober 2000 dan berkuatkuasa selama 5 tahun dari 26 Disember 2000 sehingga tamat tempoh pada 25 Disember 2005. Selaras dengan SOSP-2000, opsyen untuk melanggan 82,475,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham telah diberikan kepada pekerja-pekerja dan pengarah-pengarah yang layak. Opsyenopsyen untuk melanggan 30,075,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham yang belum dilaksanakan telah tamat tempoh pada 25 Disember 2005.

Pada Mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan pada 5 Julai 2006, para pemegang saham Syarikat telah meluluskan Skim Opsyen Saham Pekerja ("SOSP-2006") yang berkuatkuasa pada 6 Julai 2006 setelah pengesahan muktamad oleh Bursa Malaysia Securities Berhad. Selaras dengan ESOS-2006, opsyen untuk melanggan 52,590,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham telah diberikan kepada pekerja-pekerja dan pengarah-pengarah yang layak, dan saham-saham ini belum dilaksanakan sehingga 31 Julai 2006. Ciri-ciri utama SOSP ini, butiran opsyen saham yang dilaksanakan pada tahun semasa dan opsyen saham yang belum dilaksanakan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 30(c) kepada penyata kewangan.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskirakan dan peruntukan yang memadai telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan nilainya seperti yang dinyatakan dalam rekod perakaunan urusanniaga biasa telahpun dikurangkan nilainya kepada suatu jumlah yang dianggap boleh direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang akan menyebabkan:
- (i) sebarang hutang lapuk yang perlu dihapuskirakan atau jumlah diperuntukkan bagi hutang ragu tidak memadai secara material; dan
 - (ii) nilai aset semasa yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Laporan para Pengarah

ms 90

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMB.)

- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan atau Syarikat yang akan mengakibatkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata-penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
 - (i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Para pengarah berpendapat:
 - (i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau mungkin akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas tahun kewangan berakhir, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat menunaikan kewajipan mereka apabila tiba masanya kelak; dan
 - (ii) tiada butiran, urusan niaga atau peristiwa ketara dan luar biasa yang berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin mempengaruhi secara berkesan keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

Peristiwa-peristiwa penting di sepanjang tahun kewangan semasa adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 39 kepada penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah

Y Bhg Tan Sri Dato' Ir. Talha Bin Haji Mohd Hashim
Pengerusi

Saw Wah Theng
Pengarah Kewangan

Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
18 Oktober 2006

Penyata para Pengarah

menurut seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965 ms 91

Kami, Y Bhg Tan Sri Dato' Ir. Talha Bin Haji Mohd Hashim dan Saw Wah Theng, dua daripada para pengarah Gamuda Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang disertakan di muka surat 93 hingga 166, telah disediakan menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Julai 2006 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah

Y Bhg Tan Sri Dato' Ir. Talha Bin Haji Mohd Hashim
Pengerusi

Saw Wah Theng
Pengarah Kewangan

Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
18 Oktober 2006

Akuan Berkanun

menurut seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, Saw Wah Theng, pengarah yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Gamuda Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan di muka surat 93 hingga 166, adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan hemat mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya)
oleh penama di atas Saw Wah Theng) **Saw Wah Theng**
di Kuala Lumpur pada 18 October 2006)

Di hadapan saya,

Teong Kian Meng (No. W147)
Pesuruhjaya Sumpah

Laporan Juruaudit

ms 92 kepada ahli-ahli Gamuda Berhad

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang disertakan di muka surat 93 hingga 166. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Telah menjadi tanggungjawab kami untuk menyatakan pendapat yang bebas, berdasarkan pengauditan kami, terhadap penyata kewangan dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai satu badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada sebarang pihak lain bagi isi kandungan laporan ini.

Kami melaksanakan audit mengikut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian munasabah mengenai samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pernyataan dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami,

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
 - (i) kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Julai 2006 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 yang perlu diturutikan di dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiari yang mana kami adalah juruaudit telah disimpan dengan wajarnya menurut peruntukan Akta.

Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi subsidiari-subsidiari di mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit, seperti dinyatakan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan, yang telah dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan subsidiari-subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang persyaratannya yang material kepada penyata kewangan disatukan dan tidak megandungi sebarang teguran yang perlu dibuat dibawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Berkanun

George Koshy
No. 1846/07/07(J)
Rakankongsi

Kuala Lumpur, Malaysia
18 Oktober 2006

Penyata Pendapatan Disatukan

bagi tahun berakhir 31 Julai 2006 ms 93

	Nota	2006 RM'000	2005 RM'000
Hasil	3	1,226,897	1,661,453
Lain-lain pendapatan		16,248	11,186
Kos kontrak pembinaan diiktirafkan sebagai perbelanjaan kontrak		(613,554)	(895,175)
Kos tanah dan pembangunan		(244,824)	(232,469)
Perubahan dalam inventori barangan siap dan kerja dalam proses		(21,092)	(16,693)
Pembelian – bahan mentah		(27,491)	(21,196)
– bahan perdagangan		(80,752)	(79,313)
Kos pasti pengeluaran		(14,336)	(11,896)
Kos pekerja	5	(43,481)	(45,569)
Susutnilai		(7,262)	(8,820)
Lain-lain kos operasi		(57,501)	(57,712)
Keuntungan dari operasi	4	132,852	303,796
Kos kewangan	7	(14,917)	(13,963)
Pendapatan faedah		12,619	17,465
Perkongasian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu		147,975	105,364
Keuntungan sebelum cukai		278,529	412,662
Cukai	8	(97,103)	(113,633)
Syarikat dan subsidiari-subsidiari		(51,708)	(78,985)
Syarikat-syarikat bersekutu		(45,395)	(34,648)
Keuntungan selepas cukai		181,426	299,029
Kepentingan minoriti		(12,868)	(33,251)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		168,558	265,778
Pendapatan sesaham (sen)			
Asas	9	22.39	35.72
Cair	9	22.28	33.62
Dividen bersih sesaham bagi tahun semasa (sen):			
– Dibayar		5	5
– Dicadangkan		6	6
		11	11

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Lembaran Imbangan Disatukan

ms 94 pada 31 Julai 2006

	Nota	2006 RM'000	2005 RM'000
ASET TAK SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	11	199,459	118,361
Tanah dipegang untuk hartanah pembangunan	18	451,349	422,575
Perbelanjaan pembangunan motorway	19	295,950	192,109
Syarikat-syarikat bersekutu	13	1,368,534	1,202,913
Lain-lain pelaburan	15	733	3,234
Muhibah dari penyatuan	16	18,458	19,293
Hak-hak konsesi	17	58,335	60,668
Aset cukai tertunda	34	12,905	11,315
Penerimaan	21	28,584	29,293
		2,434,307	2,059,761
ASET SEMASA			
Kos hartanah pembangunan	18	38,446	93,630
Inventori	20	110,503	32,954
Penerimaan	21	816,619	727,714
Cukai boleh terima		45,407	34,605
Tunai dan baki di bank	24	456,855	505,377
		1,467,830	1,394,280
LIABILITI SEMASA			
Pinjaman jangka pendek	25	156,202	259,061
Pembayaran	26	573,657	490,983
Peruntukan bagi liabiliti-liabiliti	27	150	3,384
Peruntukan manfaat persaraan	29	206	165
Cukai		29,496	27,533
		759,711	781,126
ASET SEMASA BERSIH		708,119	613,154
		3,142,426	2,672,915
DIBIYAI OLEH:			
Modal saham	30	753,232	749,572
Rizab-rizab		1,489,537	1,429,290
Ekuiti pemegang saham		2,242,769	2,178,862
Kepentingan minoriti	33	48,583	68,345
		2,291,352	2,247,207
Peruntukan manfaat persaraan	29	6,354	5,983
Liabiliti cukai tertunda	34	19,720	19,725
Lain-lain liabiliti jangka panjang	35	825,000	400,000
Liabiliti tak semasa		851,074	425,708
		3,142,426	2,672,915

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan dalam Ekuiti Disatukan

bagi tahun berakhir 31 Julai 2006 ms 95

Kumpulan	Nota	Modal saham RM'000	Tidak boleh diagih Rizab-rizab		Boleh diagih Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
			Premium saham RM'000	lain (Nota 31) RM'000		
Pada 1 Ogos 2004		736,788	235,236	76,018	928,661	1,976,703
Perlaksanaan SOSP-2000	30	12,751	36,994	–	–	49,745
Penukaran waran-waran	30	33	89	–	–	122
Perbezaan terjemahan tukaran asing	31	–	–	(827)	–	(827)
Perkongsian rizab modal dalam sebuah syarikat bersekutu	31	–	–	– *	–	–
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		–	–	–	265,778	265,778
Dividen	10	–	–	–	(112,659)	(112,659)
Pada 31 Julai 2005		749,572	272,319	75,191	1,081,780	2,178,862
Pada 1 Ogos 2005		749,572	272,319	75,191	1,081,780	2,178,862
Perlaksanaan SOSP-2000	30	3,580	9,700	–	–	13,280
Perbelanjaan ditanggung bagi terbitan SOSP-2006		–	(148)	–	–	(148)
Penukaran waran-waran	30	80	220	–	–	300
Perbezaan terjemahan tukaran asing	31	–	–	(5,623)	–	(5,623)
Perkongsian rizab modal dalam sebuah syarikat bersekutu	31	–	–	(25,688)	–	(25,688)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		–	–	–	168,558	168,558
Dividen	10	–	–	–	(86,772)	(86,772)
Pada 31 Julai 2006		753,232	282,091	43,880	1,163,566	2,242,769

* Kesan perkongsian rizab modal dalam sebuah syarikat bersekutu adalah kurang daripada RM1,000.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai Disatukan

ms 96 bagi tahun berakhir 31 Julai 2006

	2006 RM'000	2005 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan sebelum cukai	278,529	412,662
Pelarasan untuk:		
Pelunasan hak-hak konsesi	2,333	2,333
Pelunasan muhibah dari penyatuan		
– Subsidiari-subsidiari	835	835
Susutnilai	7,262	8,820
Kerugian rosotnilai daripada lain-lain pelaburan	3	–
Kerugian rosotnilai daripada pelaburan dalam sebuah syarikat bersekutu	–	1,804
Kerugian rosotnilai daripada hartanah, loji dan peralatan	9,529	–
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	4	124
Peruntukan kerugian yang dijangka ke atas pangsapuri-pangsapuri kos rendah	–	4,407
Peruntukan bagi kontrak	10,698	17,757
Peruntukan bagi hutang ragu	56	291
Pembalikan peruntukan bagi rebat	(2,407)	(870)
Peruntukan bagi manfaat persaraan	981	951
(Pembalikan peruntukan)/peruntukan bagi pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek	(31)	108
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	(3,277)	(4,031)
Keuntungan daripada penjualan pelaburan tersiarharga	(2,234)	–
Perkongsiian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu	(147,975)	(105,364)
Keuntungan matawang asing tidak direalisasi	(35)	(65)
Pemulihan peruntukan hutang ragu	(106)	(249)
Pendapatan faedah	(12,619)	(17,465)
Perbelanjaan faedah	14,917	13,963
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	156,463	336,011
Penambahan hartanah pembangunan	(49,937)	(1,430)
Penambahan inventori	(650)	(847)
Pengurangan/(Penambahan) penerimaan	19,888	(170,599)
Penambahan/(Pengurangan) pembayaran	53,443	(44,898)
Tunai dihasilkan daripada operasi	179,207	118,237
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu	77,871	60,187
Cukai dibayar	(62,142)	(87,553)
Perbelanjaan faedah dibayar	(14,917)	(13,963)
Manfaat persaraan dibayar	(569)	(228)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti-aktiviti operasi	179,450	76,680

	2006 RM'000	2005 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN		
Pembayaran perbelanjaan pembangunan motorway	(103,841)	(96,212)
Perolehan modal daripada sebuah syarikat bersekutu	48,692	–
Perolehan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	24,000	4,697
Perolehan daripada penjualan lain-lain pelaburan	4,733	–
Bayaran cengkeram dan terdahulu untuk pembelian tanah	(96,000)	–
Perolehan daripada pemegang saham minoriti untuk terbitan saham dalam subsidiari	–	21,638
Pembelian lain-lain pelaburan	(1)	(17)
Pendapatan faedah diterima	12,619	17,465
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	(203,891)	(18,121)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(133,376)	(21,340)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan	(447,065)	(91,890)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pengeluaran pinjaman jangka pendek	55,272	207,033
Pengeluaran pinjaman Medium Term Notes	300,000	–
Pengeluaran pinjaman berjangka	125,000	–
Perolehan daripada penukaran waran-waran	300	122
Perolehan daripada pelaksanaan SOSP	13,132	49,745
Pengagihan keuntungan kepada kepentingan minoriti bagi subsidiari yang tidak diperbadankan	(30,000)	(6,000)
Dividen dibayar kepada pemegang-pemegang saham	(86,772)	(112,659)
Pembayaran balik pinjaman jangka pendek	(158,131)	(83,465)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	–	(4,164)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan	218,801	50,612
(PENGURANGAN)/PENAMBAHAN BERSIH TUNAI DAN TUNAI SETARA	(48,814)	35,402
KESAN-KESAN PERUBAHAN TUKARAN ASING	292	(762)
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AWAL TAHUN	505,377	470,737
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AKHIR TAHUN (Nota 24)	456,855	505,377

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan

ms 98 bagi tahun berakhir 31 Julai 2006

	Note	2006 RM'000	2005 RM'000
Hasil	3	409,799	411,015
Lain-lain pendapatan		31,366	97,559
Kos kontrak pembinaan diiktirafkan sebagai perbelanjaan kontrak		(257,155)	(263,584)
Kos kakitangan	5	(10,560)	(11,171)
Susutnilai		(1,551)	(2,220)
Lain-lain kos operasi		(11,599)	(15,916)
Keuntungan dari operasi	4	160,300	215,683
Kos kewangan	7	(12,903)	(12,724)
Pendapatan faedah		11,948	20,061
Keuntungan sebelum cukai		159,345	223,020
Cukai	8	(43,233)	(54,334)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		116,112	168,686
Dividen bersih sesaham bagi tahun semasa (sen):			
– Dibayar		5	5
– Dicadangkan		6	6
		11	11

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Lembaran Imbangan

pada 31 Julai 2006 *ms* 99

	Nota	2006 RM'000	2005 RM'000
ASET TAK SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	11	40,492	51,702
Subsidiari-subsidiari	12	335,835	335,835
Syarikat-syarikat bersekutu	13	800,881	633,535
Entiti usahasama dikawal bersama	14	141,000	64,000
Lain-lain pelaburan	15	733	735
Aset cukai tertunda	34	1,279	255
		1,320,220	1,086,062
ASET SEMASA			
Penerimaan	21	233,019	189,404
Hutang daripada subsidiari-subsidiari	23	589,121	707,023
Cukai terlebih bayar		35,335	28,010
Tunai dan baki bank	24	68,833	72,661
		926,308	997,098
LIABILITI SEMASA			
Pinjaman jangka pendek	25	83,503	41,667
Pembayaran	26	70,111	85,685
Hutang kepada subsidiari-subsidiari	28	207,313	105,622
Peruntukan manfaat persaraan	29	–	43
Cukai		–	7,861
		360,927	240,878
ASET SEMASA BERSIH		565,381	756,220
		1,885,601	1,842,282
DIBIAYAI OLEH:			
Modal saham	30	753,232	749,572
Rizab-rizab		730,135	691,023
Ekuiti pemegang saham		1,483,367	1,440,595
Peruntukan manfaat persaraan	29	2,234	1,687
Lain-lain liabiliti jangka panjang	35	400,000	400,000
Liabiliti tak semasa		402,234	401,687
		1,885,601	1,842,282

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan dalam Ekuiti

ms 100 bagi tahun berakhir 31 Julai 2006

	Nota	Modal Saham RM'000	Tidak boleh diagih Premium saham RM'000	Boleh diagih Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Ogos 2004		736,788	235,236	362,677	1,334,701
Perlaksanaanf SOSP-2000	30	12,751	36,994	–	49,745
Penukaran waran-waran	30	33	89	–	122
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		–	–	168,686	168,686
Dividen	10	–	–	(112,659)	(112,659)
Pada 31 Julai 2005		749,572	272,319	418,704	1,440,595
Pada 1 Ogos 2005		749,572	272,319	418,704	1,440,595
Perlaksanaanf SOSP-2000	30	3,580	9,700	–	13,280
Perbelanjaan ditanggung bagi terbitan SOSP-2006		–	(148)	–	(148)
Penukaran waran-waran	30	80	220	–	300
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		–	–	116,112	116,112
Dividend	10	–	–	(86,772)	(86,772)
Pada 31 Julai 2006		753,232	282,091	448,044	1,483,367

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Julai 2006 *ms* 101

	2006 RM'000	2005 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan sebelum cukai	159,345	223,020
Pelarasan untuk:		
Susutnilai	1,551	2,220
Kerugian rosotnilai daripada pelaburan dalam sebuah syarikat bersekutu	–	1,804
Perolehan daripada penjualan lain-lain pelaburan	3	–
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	–	77
Kerugian rosotnilai daripada hartanah, loji dan peralatan	9,529	–
Peruntukan bagi manfaat persaraan	547	189
Peruntukan bagi peruntukan bagi pampasan	34	179
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	(341)	(1,820)
Pendapatan faedah	(11,948)	(20,061)
Pendapatan dividen	(133,022)	(94,125)
Perbelanjaan faedah	12,903	12,724
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	38,601	124,207
Pengurangan/(penambahan) dalam hutang daripada subsidiari-subsidiari	39,045	(132,599)
Penambahan hutang kepada subsidiari-subsidiari	101,691	35,795
Pengurangan/(penambahan) penerimaan	93,557	(5,999)
(Pengurangan)/penambahan pembayaran	(50,608)	31,030
Tunai dihasilkan daripada operasi	222,286	52,434
Dividen diterima	97,560	73,806
Cukai dibayar	(59,443)	(65,548)
Faedah dibayar	(12,903)	(12,724)
Manfaat persaraan dibayar	(43)	(19)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti-aktiviti operasi	247,457	47,949
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN		
Perolehan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	700	2,279
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	(203,891)	–
Pelaburan dalam entiti-entiti usahasama dikawal bersama	(77,000)	(64,000)
Pelaburan dalam subsidiari	–	(204)
Perolehan modal daripada sebuah syarikat bersekutu	48,692	–
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(229)	(391)
Pembelian lain-lain pelaburan	(1)	(17)
Pendapatan faedah diterima	11,948	20,061
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan	(219,781)	(42,272)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pengeluaran/(pembayaran) kredit pusingan	41,836	(10,555)
Perolehan daripada penukaran waran-waran	300	122
Perolehan daripada pelaksanaan SOSP	13,132	49,745
Dividen dibayar kepada pemegang-pemegang saham	(86,772)	(112,659)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan	(31,504)	(73,347)
PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SETARA	(3,828)	(67,670)
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AWAL TAHUN	72,661	140,331
TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA AKHIR TAHUN (Nota 24)	68,833	72,661

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 102 – 31 Julai 2006

1. MAKLUMAT KORPORAT

Aktiviti-aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan pembinaan kejuruteraan awam. Aktiviti-aktiviti utama subsidiari-subsidiari adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 12. Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama tersebut di sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Pejabat berdaftar Syarikat terletak di 78, Jalan SS22/21, Damansara Jaya, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Bilangan kakitangan dalam Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan masing-masing adalah seramai 1,232 (2005: 1,234) dan 105 (2005: 103) orang.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk pembentangan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah pada 18 Oktober 2006.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah selain daripada yang dinyatakan sebaliknya oleh dasar-dasar perakaunan di bawah. Penyata kewangan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Julai 2006, Kumpulan telah memilih untuk mengguna pakai awal FRS 131 – Pelaburan dalam Entiti-entiti Usahasama yang berkuatkuasa bagi tempoh bermula 1 Januari 2006. Kesan penggunaan FRS 131 dinyatakan dalam Nota 40.

(b) Asas Penyatuan

(i) Subsidiari-subsidiari

Penyata kewangan yang disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiarinya. Subsidiari-subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti subsidiari-subsidiari tersebut. Sesebuah usahasama adalah dianggap sebagai sebuah subsidiari apabila Kumpulan memiliki kuasa untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan operasinya untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Subsidiari-subsidiari disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Di bawah kaedah pengambilalihan, keputusan subsidiari-subsidiari yang diambilalih atau dilupakan sepanjang tahun diambilkira dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh kuatkuasa pengambilalihan atau sehingga tarikh kuatkuasa pelupusan mengikut kesesuaian. Aset-aset dan liabiliti-liabiliti subsidiari-subsidiari dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perbezaan kos pengambilalihan dan nilai saksama aset-aset bersih bahagian Kumpulan ke atas subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam lembaran imbalan disatukan sebagai muhibah atau rizab atas penyatuan.

Urusniaga di antara syarikat dalam Kumpulan, baki dan keuntungan belum realisasi telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak luaran sahaja. Kerugian belum direalisasi dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak dapat diperolehi semula.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan sesebuah subsidiari adalah perbezaan di antara nilai bersih pelupusan dan bahagian aset-aset bersih yang dimiliki oleh Kumpulan beserta dengan sebarang baki muhibah yang belum dilunaskan dan perbezaan matawang yang belum diiktirafkan dalam penyata pendapatan disatukan.

Kepentingan minoriti dalam lembaran imbalan disatukan adalah berdasarkan kepada nilai saksama aset-aset dan liabiliti-liabiliti yang boleh dikenalpasti selepas tarikh pengambilalihan dan perubahan ke atas bahagian minoriti dalam ekuiti syarikat yang diambilalih, semenjak itu.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(b) Asas Penyatuan (samb.)

(ii) Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat-syarikat dimana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang tetapi bukan kawalan, melalui penyertaan dalam membuat keputusan ke atas polisi kewangan dan operasi entiti-entiti tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan disatukan melalui kaedah perakaunan ekuiti yang berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit atau penyata kewangan pengurusan syarikat-syarikat bersekutu tersebut. Berdasarkan kaedah perakaunan ekuiti, perkongsian Kumpulan di dalam keuntungan selepas pengambilalihan setelah ditolak kerugian syarikat-syarikat bersekutu bagi tempoh semasa diambilkira dalam penyata pendapatan disatukan. Kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam lembaran imbangan disatukan pada kos beserta bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian tertahan dan rizab tertahan.

Keuntungan tidak direalisasi atas urusaniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu dihapuskan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan kos tidak boleh diperolehi semula.

(iii) Entiti-entiti Usahasama

Entiti usahasama adalah usahasama yang melibatkan perbadanan sebuah syarikat, perkongsian atau entiti lain di mana Kumpulan mempunyai kawalan sama di atas aktiviti ekonomi yang telah dinyatakan dalam persetujuan kontrak.

Pelaburan dalam entiti usahasama dinyatakan di dalam penyata kewangan disatukan atas kaedah perakaunan ekuiti berasaskan penyata kewangan diaudit atau penyata kewangan pengurusan entiti usahasama tersebut. Menurut kaedah perakaunan ekuiti, bahagian keuntungan Kumpulan ditolak bahagian kerugian Kumpulan entiti usahasama sepanjang tahun dan dimasukkan dalam penyata pendapatan disatukan. Kepentingan Kumpulan dalam entiti usahasama ini dibawa dalam lembaran imbangan disatukan pada kos dan bahagian keuntungan atau bahagian kerugian tertahan Kumpulan selepas pengambilalihan dan lain-lain rizab.

Keuntungan tidak direalisasi atas urusaniaga dalam Kumpulan dan entiti usahasama dihapuskan setakat kepentingan Kumpulan dalam entiti usahasama itu. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan kos tidak boleh diperolehi semula.

(c) Muhibah

Muhibah adalah lebih dari kos pengambilalihan pada kepentingan Kumpulan ke atas nilai saksama aset-aset dan liabiliti-liabiliti subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu atau entiti usahasama yang dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan.

Muhibah dinyatakan pada nilai kos tolak pelunasan dan kerugian rosotnilai terkumpul. Dasar bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai adalah berpandukan Nota 2(r). Muhibah yang terhasil daripada pengambilalihan subsidiari-subsidiari dibentangkan secara berasingan dalam lembaran imbangan manakala muhibah yang terhasil daripada pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti usahasama dimasukkan dalam nilai buku pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan entiti-entiti usahasama masing-masing.

Muhibah dilunas secara sistematik pada kaedah garis lurus sepanjang tempoh jangkaan hayat. Tempoh pelunasan menunjukkan jangkaan terbaik bagi tempoh yang mana manfaat ekonomi masa depan yang diramal akan mengalir ke dalam Kumpulan. Tempoh jangkaan muhibah atas pengambilalihan subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu adalah 30 tahun.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 104 – 31 Julai 2006

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(d) Pelaburan ke atas Subsidiari-Subsidiari, Syarikat-Syarikat Bersekutu dan Usahasama

Pelaburan Syarikat dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama dinyatakan pada kos tolak sebarang peruntukan rosotnilai. Dasar bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai adalah berpandukan Nota 2(r).

Semasa pelupusan pelaburan-pelaburan tersebut, perbezaan di antara nilai perolehan bersih dan nilai buku akan diiktirafkan dalam penyata pendapatan.

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau penilaian selepas ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Dasar bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai adalah berpandukan Nota 2(r).

Tanah pegangan bebas dan kerja pembinaan sedang dijalankan tidak disusutnilai. Tanah pajakan dilunaskan sama rata sepanjang tempoh pajakan. Susutnilai untuk hartanah, loji dan peralatan lain diperuntukkan berdasarkan pada kaedah garis lurus untuk menghapuskirakan kos atau penilaian setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaan, pada kadar tahunan seperti berikut:

Tanah dan bangunan milikpajak jangka panjang	Sepanjang tempoh 50 tahun
Tanah dan bangunan milikpajak jangka pendek	Sepanjang tempoh 30 tahun
Bangunan atas tanah pegangan bebas	2%
Loji, mesin dan peralatan golf, gimnasium dan rumah kelab	12% – 33%
Alat pejabat, perabot dan kelengkapan pejabat	10% – 33%
Kenderaan bermotor	12% – 25%

Tanah dan bangunan milikpajak jangka panjang dan pendek serta beberapa tanah pegangan bebas Kumpulan dan Syarikat belum dinilai semula semenjak penilaian semula yang pertama pada tahun 1991. Para pengarah belum mengamalkan dasar penilaian semula secara teratur untuk aset-aset tersebut. Sepertimana yang dibenarkan di bawah peruntukan peralihan Piawaian Perakaunan Antarabangsa No. 16 (Edisi semakan): Hartanah, Loji dan Peralatan, aset-aset tersebut akan terus dinyatakan pada nilai penilaian tahun 1991 ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Semasa pelupusan sesuatu hartanah, loji dan peralatan, perbezaan nilai di antara hasil pelupusan dan nilai dibawa bersih dikenakan atau dikreditkan ke penyata pendapatan.

(f) Perbelanjaan Pembangunan Motorway

Perbelanjaan pembangunan motorway ("PPM") dinyatakan pada nilai kos tolak pelunasan dan kerugian rosotnilai terkumpul. Dasar bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai adalah berpandukan Nota 2(r). PPM terdiri daripada perbelanjaan pembinaan dan pembangunan (termasuk faedah and caj yuran berkenaan dengan pembiayaan pembinaan dan pembangunan Motorway) yang ditanggung oleh Kumpulan berhubung dengan Konsesi. Apabila penyiapan kerja-kerja pembinaan Motorway dan bermulanya operasi tol, pada setiap tarikh lembaran imbang, perbelanjaan terkumpul sebenar dilunaskan kepada penyata pendapatan berdasarkan formula berikut:

$$\left[\begin{array}{l} \text{Hasil Tol Terkumpul} \\ \text{sehingga sekarang} \\ \text{Unjuran Jumlah Hasil} \\ \text{Tol Konsesi} \end{array} \right] \times \left[\begin{array}{l} \text{Cumulative} \\ \text{Actual MDE} \end{array} \right] \text{ Less } \left[\begin{array}{l} \text{Accumulated amortisation} \\ \text{at beginning of the} \\ \text{financial year} \end{array} \right]$$

Unjuran jumlah hasil tol Konsesi adalah berdasarkan "base case" jumlah lalu lintas unjuran sebuah firma profesional bebas perunding lalu lintas dalam pengkajian unjuran yang ditugaskan oleh Kumpulan, dengan mengambilkira kadar tol seperti yang disyaratkan dalam Perjanjian Konsesi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(g) Tanah dipegang untuk hartanah pembangunan dan kos hartanah pembangunan

(i) Tanah dipegang untuk hartanah pembangunan

Tanah dipegang untuk hartanah pembangunan terdiri daripada tanah di mana aktiviti pembangunan tidak dijalankan atau di mana aktiviti pembangunan tidak dijangka disiapkan dalam masa kitaran operasi biasa. Tanah tersebut diklasifikasikan sebagai aset tak semasa dan dinyatakan pada kos ditolak apa-apa rosot nilai terkumpul selaras dengan Nota 2(r).

Hartanah dipegang untuk hartanah pembangunan diklasifikasi semula sebagai kos pembangunan hartanah pada ketika aktiviti pembangunan bermula dan di mana boleh menunjukkan bahawa aktiviti pembangunan dapat disiapkan dalam masa kitaran operasi biasa.

(ii) Kos hartanah pembangunan

Kos hartanah pembangunan memengandungi semua kos secara langsung kepada aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan pada dasar yang sewajarnya kepada aktiviti-aktiviti tersebut.

Di mana keputusan daripada sesuatu aktiviti pembangunan boleh dianggarkan dengan kebolehpercayaan, pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan merujuk kepada tahap kesudahan aktiviti kontrak. Tahap kesudahan kontrak dikira dengan merujuk kepada bahagian kos hartanah pembangunan yang terlibat bagi kerja yang dilakukan hingga kini ditanggung kepada jumlah kos hartanah pembangunan dijangkakan.

Di mana keputusan kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan kebolehpercayaan, pendapatan hartanah pembangunan diiktiraf setakat mana kos hartanah pembangunan yang terlibat dan kemungkinan besar boleh diterima semula, dan kos hartanah pembangunan untuk hartanah dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana kos tersebut terlibat.

Apabila kemungkinan bahawa terdapat kerugiann yang dijangkakan pada projek pembangunan, termasuk kos ditanggung bagi tempoh masa liabiliti ketidaksempurnaan, akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Kos hartanah pembangunan yang tidak diiktiraf sebagai pembayaran diiktirafkan sebagai aset, yang mana dinilai pada harga lebih rendah di antara kos dan nilai boleh direalisasikan bersih.

Lebih dari hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tuntutan kepada pembeli diklasifikasikan sebagai tuntutan terakru dalam penerimaan dan lebih dari tuntutan kepada pembeli pada hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan diklasifikasikan sebagai tuntutan kemajuan kerja dalam pembayaran.

(h) Kontrak Pembinaan

Di mana keputusan daripada sesuatu kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan kebolehpercayaan, pendapatan kontrak dan kontrak kos diiktiraf sebagai pendapatan dan perbelanjaan masing-masing dengan merujuk kepada tahap kesudahan aktiviti kontrak pada tarikh lembaran imbalan. Tahap kesudahan kontrak dikira dengan merujuk kepada bahagian kos kontrak yang terlibat bagi kerja yang dilakukan hingga kini kepada jumlah kos kontrak yang dijangkakan.

Di mana keputusan kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan kebolehpercayaan, pendapatan kontrak diiktiraf setakat mana kos kontrak yang terlibat dan kemungkinan besar boleh diterima semula. Kontrak kos diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana kos kontrak yang terlibat.

Apabila kemungkinan bahawa jumlah kontrak kos akan melebihi jumlah pendapatan kontrak, kerugian yang diramalkan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(h) Kontrak Pembinaan (samb.)

Apabila kos yang terlibat ke atas kontrak pembinaan ditambah keuntungan yang diiktiraf (ditolak kerugian diiktiraf) melebihi tuntutan kemajuan kerja, baki ditunjukkan sebagai hutang daripada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak. Apabila tuntutan kemajuan kerja melebihi kos yang terlibat ditambah keuntungan yang diiktiraf (ditolak kerugian diiktiraf), baki ditunjukkan sebagai hutang kepada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak.

(i) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga lebih rendah di antara kos dan nilai boleh direalisasikan bersih. Kos ditentukan menggunakan kaedah asas purata wajar. Kos bahan langsung termasuklah kos belian dan lain-lain caj langsung. Kos barangan siap dan kerja dalam pelaksanaan mengandungi kos bahan langsung, buruh langsung, lain-lain kos langsung dan kos overhead pengeluaran yang sewajarnya.

Nilai boleh direalisasi bersih mewakili anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan yang biasa ditolak semua anggaran kos untuk penyediaan dan anggaran kos yang akan dikenakan untuk pemasaran, jualan dan pengedaran.

(j) Tunai dan Setara Tunai

Bagi tujuan kegunaan penyata-penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk tunai di tangan dan baki di bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek yang amat cair serta sedia ditukar kepada nilai tunai dengan risiko perubahan nilai yang tidak ketara, ditolak baki bersih overdraf bank tertunggak.

(k) Pajakan Kewangan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika ia memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat kepada Kumpulan akibat daripada pemilihan.

Aset diambilalih secara sewa beli atau pajakan kewangan dinyatakan pada nilai setara dengan nilai terendah nilai saksama dan nilai semasa pembayaran pajakan minima pada permulaan pajakan, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti berkaitan dinyatakan dalam lembaran imbalan sebagai pinjaman. Dalam pengiraan nilai semasa pembayaran pajakan minima, faktor diskaun yang digunakan ialah kadar faedah yang terkandung di dalam pajakan, bila ia boleh ditentukan secara praktikal; jika tidak, kadar faedah peningkatan Syarikat digunakan.

Bayaran pajakan diagihkan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan di antara keseluruhan komitmen pajakan dan nilai saksama aset yang diambilalih, diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan di sepanjang penggal pajakan berkenaan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap atas baki tanggungan untuk setiap tempoh perakaunan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan adalah konsisten dengan susutnilai hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(e).

(l) Peruntukan bagi Liabiliti-liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti-liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai tanggungan kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan berlakunya aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi bagi menyelesaikan tanggungan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbalan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Pada mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan tanggungan tersebut.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(m) Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan.

Cukai tertunda pula diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti pada tarikh lembaran imbalan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara deduktibel, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna setakat mana keuntungan boleh dicukai terdapat untuk digunakan atas perbezaan sementara deduktibel, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul dari muhibah atau muhibah negatif atau dari pengiktirafan pertama sesuatu aset atau liabiliti dalam urusanniaga yang bukan kombinasi perniagaan dan pada waktu urusanniaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan yang boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berasaskan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali jika ia timbul dari urusanniaga yang diiktiraf secara langsung di ekuiti, di mana cukai tertunda itu juga dikenakan atau dikreditkan secara langsung di ekuiti, atau jika ia timbul dari kombinasi perniagaan secara pengambilalihan, cukai tertunda itu dimasukkan ke dalam muhibah atau muhibah negatif.

(n) Manfaat Pekerja Syarikat

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf bila perkhidmatan yang diberi oleh pekerja akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang, dan pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf bila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan Caruman Yang Ditetapkan

Menurut peruntukan perundangan, syarikat-syarikat di Malaysia membayar caruman kepada skim pencen Kerajaan, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Subsidiari Kumpulan yang berdaftar di luar negara membayar caruman kepada skim pencen negara tersebut. Caruman-caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila dibelanjakan.

(iii) Pelan Manfaat Yang Ditetapkan

Kumpulan mengendalikan Skim Manfaat Persaraan ("Skim") yang tidak dibiayai untuk pekerja-pekerjanya.

Tanggungjawab Kumpulan di bawah Skim ini adalah berdasarkan anggaran menurut penilaian aktuari setiap tiga tahun di mana amaun manfaat yang berhak diterima oleh pekerja-pekerja yang setimpal dengan perkhidmatan dalam tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Penilaian aktuari dijalankan oleh aktuari berkecuali yang berkeelayakan dalam tahun semasa.

Manfaat tersebut didiskaunkan menggunakan Kaedah Unjuran Unit Kredit untuk menentukan nilai semasa tanggungan manfaat tetapnya dan kos perkhidmatan semasa yang berkaitan dan, di mana boleh digunakan, kos perkhidmatan terdahulu.

Kadar yang digunakan untuk mendiskaunkan tanggungan manfaat pekerjaan adalah berdasarkan kepada rujukan terhadap perolehan pasaran pada tarikh lembaran imbalan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(n) Manfaat Pekerja Syarikat (samb.)

(iv) Manfaat Pampasan Ekuiti

Skim Opsyen Saham Pekerja ("SOSP") Gamuda Berhad membenarkan pekerja Kumpulan memiliki saham biasa Syarikat. Tiada kos pampasan atau tanggungjawab akan diiktiraf. Apabila hak opsyen dilaksanakan, ekuiti akan bertambah mengikut amaun yang diterima.

(o) Hak-hak Konsesi

Hak-hak konsesi dirujuk dengan kos yang dihadapi berkaitan dengan suatu penyusunan di mana Kumpulan berupaya mendapatkan manfaat ekonomi bagi tahun-tahun hadapan. Hak-hak konsesi ini dilunaskan pada garis lurus sepanjang tempoh hayat gunanya selama 30 tahun. Hak-hak konsesi ini dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai. Polisi bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai adalah berpandukan Nota 2(r).

(p) Pengiktirafan Hasil

Hasil diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan transaksi berpindah kepada Kumpulan atau Syarikat dan nilai pendapatan boleh dianggarkan dengan pasti.

(i) Kontrak Pembinaan

Hasil daripada kontrak pembinaan dikira dengan peratusan siap seperti dinyatakan dalam Nota 2(h).

(ii) Hartanah Pembangunan

Hasil daripada jualan hartanah pembangunan diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyiapan atas semua unit bangunan yang telah dijual. Peratusan penyiapan ditentukan berdasarkan kepada kos yang terlibat sehingga sekarang dibandingkan kepada jumlah keseluruhan kos dijangkakan di mana keputusan projek-projek tersebut boleh dianggarkan dengan pasti. Semua kerugian yang dijangka telah diperuntukkan sepenuhnya.

(iii) Jualan Barangan dan Perkhidmatan

Hasil berkaitan dengan penjualan barangan adalah diiktiraf bersih daripada cukai jualan dan diskaun, apabila pindahan risiko dan ganjaran telah selesai. Hasil daripada perkhidmatan adalah diiktiraf bersih daripada cukai perkhidmatan dan diskaun apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

(iv) Perkhidmatan Penyelenggaraan

Pendapatan daripada pengurusan, operasi dan penyelenggaraan empangan-empangan dan peralatan perawatan air diiktiraf bersih daripada diskaun apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

(v) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas asas pembahagian masa untuk menggambarkan hasil faedah berkesan ke atas aset.

(vi) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah dibuktikan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(q) Matawang Asing

(i) Urusniaga matawang asing

Urusniaga dalam matawang asing pada mulanya akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Pada setiap tarikh lembaran imbangan, butiran matawang asing bersifat kewangan akan diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut. Butiran tidak bersifat kewangan yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan dan butiran tidak bersifat kewangan yang dibawa pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran yang wujud semasa nilainya ditentukan.

Semua perbezaan pertukaran yang terhasil dibawa ke penyata pendapatan kecuali terdapat perbezaan di atas peminjaman mata wang asing, yang memberi lindung nilai kepada satu pelaburan bersih di dalam entiti asing. Perbezaan pertukaran ini dibawa terus ke ekuiti sehingga pelupusan pelaburan bersih tersebut, di mana ia akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(ii) Pengendalian Asing

Di mana pengendalian syarikat asing adalah sehati dengan pengendalian Syarikat, prinsip-prinsip penterjemahan seperti yang dinyatakan di atas digunakan sepertimana urusniaga pengendalian asing adalah dari pengendalian Syarikat.

(iii) Entiti-entiti Asing

Penyata kewangan subsidiari-subsidiari asing yang disatukan telah diterjemahkan pada kadar pertukaran akhir tahun bagi perkara-perkara berhubung aset dan liabiliti, dan pada kadar purata pertukaran yang berkenaan di sepanjang tahun bagi perkara-perkara berhubung penyata pendapatan. Semua kesan perbezaan pertukaran dimasukkan ke rizab terjemahan asing di dalam ekuiti pemegang saham.

Kadar pertukaran utama yang digunakan untuk setiap mata wang asing pada tarikh lembaran imbangan adalah seperti berikut:

	2006 RM	2005 RM
Dollar Amerika Syarikat	3.67	3.78
Dollar Singapura	2.32	2.25
Rupee India	0.08	0.09
Dollar Taiwan Baru	0.11	0.12
Qatari Riyal	1.03	1.03

(r) Rosotnilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Kumpulan meneliti nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset telah mengalami kerugian rosotnilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan nilai yang boleh diperolehi dari aset tersebut. Nilai yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara harga pasaran bersih dan nilai digunapakai, yang mana dikira dengan merujuk kepada aliran tunai hadapan didiskaunkan.

Kerugian rosotnilai dikenakan kepada penyata pendapatan serta merta, kecuali aset yang dinyatakan pada nilai penilaian semula. Rosotnilai bagi aset penilaian semula diiktiraf sebagai kurangan penilaian semula setakat penambahan penilaian semula tersebut belum digunakan bagi aset yang sama itu. Pembalikan semula kerugian rosotnilai yang diiktiraf tahun terdahulu direkodkan bila terdapat petunjuk yang kerugian rosotnilai diiktiraf untuk aset tidak lagi wujud ataupun telah berkurangan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 110 – 31 Julai 2006

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(s) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktirafkan dalam lembaran imbangan apabila Kumpulan menjadi salah satu pihak kepada peruntukan kontrak dalam instrumen tersebut.

Instrumen kewangan adalah digolongkan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkenaan dengan instrumen kewangan yang digolongkan sebagai liabiliti dilaporkan sebagai belanja atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan digolongkan sebagai ekuiti dikenakan terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diselaraskan apabila Kumpulan mempunyai hak mengikut undang-undang untuk pelarasan dan berniat untuk menyelesaikan secara bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Objektif pengurusan risiko kewangan dan polisi-polisinya seperti dinyatakan dalam Nota 41.

(i) Lain-lain Pelaburan Tak Semasa

Pelaburan tidak semasa selain daripada pelaburan dalam subsidiari-subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat usahasama adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Dasar pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai adalah berpandukan Nota 2(r).

Pada pelupusan pelaburan, perbezaan di antara nilai bersih perolehan pelupusan dan nilai buku bersih dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

(ii) Penerimaan

Penerimaan dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penelitian ke atas semua baki yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbangan.

(iii) Pembayaran

Pembayaran dinyatakan pada kos di mana nilai saksama ganjaran perlu dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(iv) Pinjaman-pinjaman Pembawa Faedah

Pinjaman bank pembawa faedah, Bon Bolehtebus Tidak Bercagar dan pinjaman Kertas Komersial Al-Muharabah direkodkan pada nilai muka jumlah pinjaman.

Kos pinjaman yang secara langsung disebabkan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak, iaitu aset yang sememangnya mengambil masa panjang untuk disiapkan untuk digunakan atau dijual, dipermodalkan sebagai sebahagian kos aset-aset tersebut, sehingga tiba masanya aset itu sedia atau hampir sedia untuk diguna atau dijual.

Amaun kos pinjaman yang layak dipermodalkan adalah berdasarkan kepada penggunaan kadar permodalan yang mana bersamaan dengan lingkungan kos pinjaman berkenaan dengan pinjaman Kumpulan yang belum dibayar dalam tahun kewangan semasa.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dalam tempoh penglibatan.

(v) Modal Saham

Modal saham biasa adalah diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen dari modal saham biasa dimasukkan dalam ekuiti di tempoh di mana dividen tersebut dicadangkan.

Kos berkaitan dengan penerbitan ekuiti dikira sebagai kurangan daripada ekuiti selepas cukai. Kos urusaniaga ekuiti terdiri daripada kos luaran yang menaik secara langsung digunakan dalam urusaniaga ekuiti yang mana jika tidak sedemikian, boleh dihindarkan.

3. HASIL

Hasil Kumpulan dan Syarikat terdiri daripada:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Kejuruteraan dan kontrak pembinaan	676,475	1,132,921	276,777	316,890
Jualan hartanah dalam pembangunan	335,639	322,852	–	–
Jualan hasil kuari	18,588	29,620	–	–
Jualan barang pembinaan	85,276	89,052	–	–
Jualan barangan perkilangan	43,381	31,838	–	–
Pembekalan air dan perkhidmatan berkaitan	58,973	46,560	–	–
Pendapatan dividen	–	–	133,022	94,125
Lain-lain	8,565	8,610	–	–
	1,226,897	1,661,453	409,799	411,015

4. KEUNTUNGAN DARI OPERASI

Keuntungan dari operasi selepas dikenakan/(dikreditkan):

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pelunasan hak-hak konsesi	2,333	2,333	–	–
Pelunasan muhibah dari penyatuan subsidiari-subsidiari	835	835	–	–
Ganjaran juruaudit				
– Audit berkanun	315	266	67	65
– Lain-lain	218	216	83	86
Sewa loji dan peralatan	1,272	1,626	–	–
Yuran pengarah-pengarah bukan eksekutif (Nota 6)	244	244	244	244
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskan	4	124	–	77
Kerugian rosotnilai daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu	–	1,804	–	1,804
Kerugian rosotnilai daripada lain-lain pelaburan	3	–	3	–
Peruntukan bagi kontrak	10,698	17,757	–	–
Peruntukan bagi kerugian yang dijangka ke atas pangsapuri-pangsapuri kos rendah	–	4,407	–	–
Peruntukan bagi hutang ragu	56	291	–	–
Sewa tanah	601	374	51	51
Sewa premis	1,734	1,774	591	714
Kos pekerja (Nota 5)	43,481	45,569	10,560	11,171
Kerugian rosotnilai daripada hartanah, loji dan peralatan	9,529	–	9,529	–
Pengagihan keuntungan dari subsidiari- subsidiari yang tidak diperbadankan	–	–	(27,454)	(92,099)
Pembalikan peruntukan bagi rebat (Nota 27)	(2,407)	(870)	–	–
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan dan peralatan	(3,277)	(4,031)	(341)	(1,820)
Keuntungan daripada penjualan pelaburan tersiarharga	(2,234)	–	–	–
Hasil sewa				
– Subsidiari-subsidiari	–	–	(640)	(674)
– Lain-lain	(589)	(499)	(274)	(205)
Keuntungan tidak direalisasikan atas tukaran asing	(35)	(65)	–	–
Pemulihan peruntukan hutang ragu	(106)	(249)	–	–

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 112 – 31 Julai 2006

5. KOS PEKERJA

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Upah dan gaji	28,310	29,882	4,331	5,304
Gaji para pengarah dan emolumen (Nota 6)	4,607	3,470	4,332	3,201
Pampasan ketidakhadiran jangka pendek	(31)	108	34	179
Kos-kos pencen – pelan caruman yang ditetapkan	3,569	3,711	851	868
Kos-kos pencen – pelan manfaat yang ditetapkan	848	851	414	89
Caruman keselamatan sosial	257	226	36	30
Lain-lain perbelanjaan berkaitan	5,921	7,321	562	1,500
	43,481	45,569	10,560	11,171

6. GANJARAN PARA PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Para pengarah Syarikat				
Eksekutif:				
Gaji dan emolumen lain	3,718	2,625	3,479	2,392
Bonus	413	413	377	377
Kos-kos pencen – pelan caruman yang ditetapkan	343	332	343	332
Kos-kos pencen – pelan manfaat yang ditetapkan	133	100	133	100
Manfaat barangan	159	164	134	149
	4,766	3,634	4,466	3,350
Bukan Eksekutif:				
Yuran	244	244	244	244
Manfaat barangan	85	11	85	11
	329	255	329	255
Jumlah	5,095	3,889	4,795	3,605

6. GANJARAN PARA PENGARAH (SAMB.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Analisa tidak termasuk manfaat barangan:				
Jumlah ganjaran pengarah eksekutif tidak termasuk manfaat barangan (Nota 5)	4,607	3,470	4,332	3,201
Jumlah ganjaran pengarah bukan eksekutif tidak termasuk manfaat barangan (Nota 4)	244	244	244	244
Jumlah ganjaran pengarah tidak termasuk manfaat barangan	4,851	3,714	4,576	3,445

Bilangan pengarah-pengarah Syarikat di mana jumlah ganjaran (termasuk manfaat barangan) di sepanjang tahun terangkum dalam lingkungan berikut adalah:

	Bilangan Pengarah	
	2006	2005
Pengarah eksekutif:		
RM250,001 – RM300,000	1	1
RM350,001 – RM400,000	1	1
RM400,001 – RM450,000	1	1
RM450,001 – RM500,000	2	4
RM550,001 – RM600,000	1	–
RM600,001 – RM650,000	1	1
RM1,350,001 – RM1,400,000	1	–
	8	8
Pengarah bukan eksekutif:		
RM1 – RM50,000	5	5
RM100,001 – RM150,000	1	1
	6	6
Jumlah	14	14

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 114 – 31 Julai 2006

7. KOS KEWANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Perbelanjaan faedah atas Bon Bolehtebus Tidak Bercagar	12,056	12,000	12,056	12,000
Kertas Komersial Murabahah dan Medium Term Notes	15,660	4,180	–	–
Perbelanjaan faedah atas lain-lain pinjaman	4,907	5,317	847	724
	32,623	21,497	12,903	12,724
Tolak: Jumlah dipermodalkan dalam aset-aset layak:				
Perbelanjaan motorway (Nota 19)	(5,782)	(3,354)	–	–
Hartanah pembangunan (Nota 18)	(10,889)	(4,180)	–	–
Kos kontrak-kontrak pembinaan (Nota 22)	(1,035)	–	–	–
	14,917	13,963	12,903	12,724

8. CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Perbelanjaan cukai:				
Cukai pendapatan Malaysia (Kurangan)/lebih peruntukan bagi tahun-tahun sebelumnya	50,659	96,988	46,407	66,051
	2,644	(10,376)	(2,150)	(11,213)
	53,303	86,612	44,257	54,838
Cukai tertunda (Nota 34):				
Berkaitan dengan perbezaan sementara asal dengan perbezaan sementara dibalik semula	(446)	(7,372)	220	(504)
Lebih peruntukan bagi bagi tahun-tahun sebelumnya	(1,149)	(255)	(1,244)	–
	(1,595)	(7,627)	(1,024)	(504)
Perkongsian cukai bagi syarikat-syarikat bersekutu	45,395	34,648	–	–
	97,103	113,633	43,233	54,334

Cukai pendapatan domestik dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 28% (2005: 28%) daripada jumlah anggaran keuntungan bagi tahun semasa boleh ditaksir. Kadar cukai korporat bagi tahun taksiran 2006/2005 bagi syarikat-syarikat dengan modal saham berbayar sebanyak RM2.5 juta dan kebawah pada permulaan tahun asas bagi tahun taksiran berkenaan adalah seperti berikut:

Pendapatan Boleh Cukai	Kadar
RM500,000 yang pertama (2005: RM500,000)	20%
Jumlah melebihi RM500,000 (2005: RM500,000)	28%

Cukai bagi lain-lain bidang kuasa dikira pada kadar yang ditetapkan oleh bidang kuasa tersebut.

8. CUKAI (SAMB.)

Penyata penyesuaian cukai yang dikenakan ke atas keuntungan sebelum cukai Kumpulan dan Syarikat pada kadar cukai berkanun dengan perbelanjaan cukai pada kadar cukai efektif adalah seperti berikut:

	2006 RM'000	2005 RM'000
Kumpulan		
Keuntungan sebelum cukai	278,529	412,662
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia 28% (2005: 28%)	77,988	115,545
Insentif cukai diperolehi daripada kadar perbezaan cukai sebanyak 20%	(285)	(261)
Kesan daripada kadar cukai berlainan di lain-lain negara	(1,482)	(6)
Kesan daripada perbelanjaan kumpulan tidak direalisasi	1,550	(3,084)
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(2,320)	(1,883)
Perbelanjaan tidak dibenarkan untuk tujuan cukai:		
– Kesan pelunasan muhibah dan hak-hak konsesi	887	887
– Kerugian rosotnilai	2,668	–
– Lain-lain	6,282	7,477
Penggunaan kerugian cukai belum diiktiraf dan elaun modal belum diserap tahun-tahun lepas	(653)	(235)
Aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf berkaitan dengan kerugian cukai tahun semasa, elaun modal belum diserap serta lain-lain perbezaan sementara yang dibenarkan	10,973	5,824
Lebih peruntukan cukai tertunda tahun-tahun sebelumnya	(1,149)	(255)
Kurangan/(lebih) peruntukan cukai pendapatan tahun-tahun sebelumnya	2,644	(10,376)
Perbelanjaan cukai tahun semasa	97,103	113,633
Syarikat		
Keuntungan sebelum cukai	159,345	223,020
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia 28% (2005: 28%)	44,617	62,446
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(1,848)	(1,849)
Perbelanjaan tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	3,858	4,950
Lebih peruntukan cukai tertunda tahun-tahun sebelumnya	(1,244)	–
Lebih peruntukan cukai pendapatan tahun-tahun sebelumnya	(2,150)	(11,213)
Perbelanjaan cukai tahun semasa	43,233	54,334

Penjimatan cukai dalam tahun semasa hasil daripada:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Penggunaan kerugian cukai tahun semasa	74	–	–	–
Penggunaan kerugian cukai tahun-tahun sebelumnya yang belum diiktiraf	557	235	–	–

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 116 – 31 Julai 2006

9. PENDAPATAN SESAHAM

(a) Asas

Pendapatan asas sesaham telah dikira dengan membahagikan keuntungan bersih pada tahun semasa dengan bilangan purata wajaran saham dalam terbitan di sepanjang tahun.

	2006	2005
Keuntungan bersih bagi tahun semasa (RM'000)	168,558	265,778
Bilangan purata wajaran saham dalam terbitan ('000)	752,846	743,977
Pendapatan asas sesaham (sen)	22.39	35.72

(b) Cair

Untuk mengira pendapatan cair sesaham, keuntungan bersih pada tahun semasa dengan bilangan purata wajaran saham biasa dalam terbitan di sepanjang tahun kewangan telah diselaraskan untuk memberi kesan potensi pencairan atas saham biasa daripada pelaksanaan SOSP dan penukaran Waran-waran. Purata wajaran saham terbitan yang telah diselaraskan adalah jumlah saham terbitan dalam terbitan pada tahun semasa ditambah dengan purata wajaran jumlah saham yang sepatutnya diterbitkan secara pelaksanaan penuh SOSP dan penukaran penuh Waran-waran yang tertunggak dalam bentuk saham biasa. SOSP dan Waran-waran dianggap telah ditukarkan kepada saham biasa pada tarikh terbitan SOSP dan Waran-waran.

	2006	2005
Keuntungan bersih bagi tahun semasa (RM'000)	168,558	265,778
Bilangan purata wajaran saham dalam terbitan ('000)	752,846	743,977
Dilaraskan untuk:		
Anggaran saham diterbit dari pelaksanaan SOSP ('000)	3,830	4,433
Anggaran saham diterbit dari penukaran Waran-waran 1996/2006 ('000)	–	10,844
Anggaran saham diterbit dari penukaran Waran-waran 2001/2007 ('000)	–	31,304
Bilangan purata wajaran saham dalam terbitan dan boleh diterbitkan yang telah dilaraskan ('000)	756,676	790,558
Pendapatan cair sesaham (sen)	22.28	33.62

Kesan pada pendapatan cecair sesaham daripada andaian penukaran Waran-waran tertunggak 1991/2006 dan 2001/2007 pada akhir tahun kewangan adalah anti-pencairan disebabkan harga pelaksanaan adalah lebih tinggi daripada nilai saksama saham-saham biasa pada akhir tahun kewangan dan sehubungan itu, waran-waran ini dikecualikan daripada pengiraan pendapatan cair sesaham.

10. DIVIDEN

	Kumpulan dan Syarikat			
	Jumlah		Dividen bersih sesaham	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Dividen akhir dibayar bagi tahun keuangan 2005, sebanyak 9% (2004: 9%) ditolak 28% cukai dibayar	48,809	48,155	6	6
Dividen istimewa dibayar bagi keuangan 2004, sebanyak 5% ditolak 28% taxation cukai dibayar	–	26,753	–	4
Dividen interim dibayar bagi tahun keuangan 2006, sebanyak 7% (2005: 7%) ditolak 28% cukai dibayar	37,963	37,751	5	5
	86,772	112,659		

Pada Mesyuarat Agung yang akan datang, dividen akhir bagi tahun kewangan semasa yang berakhir 31 Julai 2006 sebanyak 9% ditolak 28% cukai ke atas 753,232,144 saham biasa mengakibatkan dividen kena bayar berjumlah RM48,809,443 (6.48 sen sesaham) akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang saham. Penyata kewangan untuk tahun semasa tidak mengambilkira cadangan dividen tersebut. Dividen, sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengagihan daripada keuntungan tertahan pada tahun berakhir 31 Julai 2007.

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Tanah dan bangunan*	Pembinaan sedang dijalankan	Lain-lain hartanah, loji dan peralatan**	Jumlah
Penilaian/Kos	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Ogos 2005	51,059	26,103	195,611	272,773
Penambahan	1,469	1,325	130,582	133,376
Pelupusan	–	(3,671)	(54,517)	(58,188)
Hapuskira	–	–	(1,194)	(1,194)
Kerugian rosotnilai tahun semasa	–	(9,529)	–	(9,529)
Perbezaan matawang	–	–	(2,291)	(2,291)
Pada 31 Julai 2006	52,528	14,228	268,191	334,947
Mewakili:				
Pada kos	33,645	14,228	268,191	316,064
Pada penilaian	18,883	–	–	18,883
	52,528	14,228	268,191	334,947

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 118 – 31 Julai 2006

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

Kumpulan	Tanah dan bangunan* RM'000	Pembinaan sedang dijalankan RM'000	Lain-lain hartanah, loji dan peralatan** RM'000	Jumlah RM'000
Susutnilai Terkumpul				
Pada 1 Ogos 2005	9,844	–	144,568	154,412
Caj bagi tahun semasa:				
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	826	–	6,436	7,262
Dipermodalkan dalam perbelanjaan pembangunan (Nota 18)	–	–	554	554
Dipermodalkan dalam kos pembinaan (Nota 22)	–	–	12,032	12,032
Pelupusan	–	–	(37,465)	(37,465)
Hapuskira	–	–	(1,190)	(1,190)
Perbezaan matawang	–	–	(117)	(117)
Pada 31 Julai 2006	10,670	–	124,818	135,488
Nilai Buku Bersih				
Pada 31 Julai 2006				
Pada kos	31,036	14,228	143,373	188,637
Pada penilaian	10,822	–	–	10,822
	41,858	14,228	143,373	199,459
Pada 31 Julai 2005				
Pada kos	29,875	26,103	51,043	107,021
Pada penilaian	11,340	–	–	11,340
	41,215	26,103	51,043	118,361
Butiran pada 1 Ogos 2004				
Pada kos	32,087	26,049	182,882	241,018
Pada penilaian	18,863	–	–	18,863
Susutnilai terkumpul	9,023	–	135,490	144,513
Susutnilai untuk 2005				
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	821	–	7,999	8,820
Dipermodalkan dalam perbelanjaan pembangunan (Nota 18)	–	–	580	580
Dipermodalkan dalam kos pembinaan (Nota 22)	–	–	8,157	8,157

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

* Tanah dan bangunan

Kumpulan	Tanah milik bebas RM'000	Bangunan atas tanah milik bebas RM'000	Tanah pegang pajak jangka panjang RM'000	Bangunan pegang pajak jangka panjang RM'000	Tanah pegang pajak jangka pendek RM'000	Bangunan Pegang pajak jangka pendek RM'000	Total RM'000
Pada 1 Ogos 2005	19,297	15,239	290	230	15,372	631	51,059
Panambahan	–	1,449	–	–	–	20	1,469
Pada 31 Julai 2006	19,297	16,688	290	230	15,372	651	52,528
Mewakili:							
Pada kos	18,105	15,540	–	–	–	–	33,645
Pada penilaian	1,192	1,148	290	230	15,372	651	18,883
Susutnilai Berkumpul							
Pada 1 Ogos 2005	–	2,642	75	62	6,868	197	9,844
Caj untuk tahun semasa	–	312	5	4	490	15	826
Pada 31 Julai 2006	–	2,954	80	66	7,358	212	10,670
Nilai Buku Bersih							
Pada 31 Julai 2006							
Pada kos	18,105	12,931	–	–	–	–	31,036
Pada penilaian	1,192	803	210	164	8,014	439	10,822
Pada 31 Julai 2005							
Pada Kos	18,105	11,770	–	–	–	–	29,875
Pada penilaian	1,192	827	215	168	8,504	434	11,340
Butiran pada 1 Ogos 2004							
Pada kos	18,105	13,982	–	–	–	–	32,087
Pada penilaian	1,192	1,148	1,349	674	14,313	187	18,863
Susutnilai terkumpul	–	2,335	303	158	6,145	82	9,023
Susutnilai untuk 2005	–	307	5	4	490	15	821

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 120 – 31 Julai 2006

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

** Lain-lain hartanah, loji dan peralatan

Kumpulan	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan RM'000	Loji, mesin dan peralatan RM'000	Jumlah RM'000
Kos				
Pada 1 Ogos 2005	23,440	25,676	146,495	195,611
Penambahan	6,290	2,818	121,474	130,582
Pelupusan	(4,768)	(1,329)	(48,420)	(54,517)
Hapuskira	–	(833)	(361)	(1,194)
Perbezaan matawang	(97)	(27)	(2,167)	(2,291)
Pada 31 Julai 2006	24,865	26,305	217,021	268,191
Susutnilai Terkumpul				
Pada 1 Ogos 2005	18,955	20,406	105,207	144,568
Caj bagi tahun semasa: Diiktiraf dalam penyata pendapatan	1,136	1,691	3,609	6,436
Dipermodalkan dalam perbelanjaan pembangunan (Nota 18)	107	179	268	554
Dipermodalkan dalam kos pembinaan (Nota 22)	669	713	10,650	12,032
Pelupusan	(3,869)	(662)	(32,934)	(37,465)
Hapuskira	–	(830)	(360)	(1,190)
Perbezaan matawang	(8)	(5)	(104)	(117)
Pada 31 Julai 2006	16,990	21,492	86,336	124,818
Nilai Buku Bersih				
Pada 31 Julai 2006	7,875	4,813	130,685	143,373
Pada 31 Julai 2005	4,485	5,270	41,288	51,043
Butiran pada 1 Ogos 2004				
Pada kos	29,718	23,827	129,337	182,882
Susutnilai terkumpul	22,928	17,758	94,804	135,490

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

** Lain-lain hartanah, loji dan peralatan (samb.)

Kumpulan	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan RM'000	Loji, mesin dan peralatan RM'000	Jumlah RM'000
Susutnilai untuk 2005				
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	1,893	1,923	4,183	7,999
Dipermodalkan dalam perbelanjaan pembangunan (Nota 18)	80	149	351	580
Dipermodalkan dalam kos pembinaan (Nota 22)	240	495	7,422	8,157
<hr/>				
Syarikat	Tanah dan bangunan*	Pembinaan sedang dijalankan RM'000	Lain-lain hartanah, loji dan peralatan** RM'000	Jumlah RM'000
Penilaian/Kos				
Pada 1 Ogos 2005	27,583	22,432	24,818	74,833
Penambahan	–	–	229	229
Pelupusan	–	–	(2,709)	(2,709)
Hapuskira	–	–	(868)	(868)
Kerugian rosotnilai tahun semasa	–	(9,529)	–	(9,529)
<hr/>				
Pada 31 Julai 2006	27,583	12,903	21,470	61,956
<hr/>				
Mewakili:				
Pada kos	24,180	12,903	21,470	58,553
Pada penilaian	3,403	–	–	3,403
<hr/>				
	27,583	12,903	21,470	61,956
<hr/>				

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 122 – 31 Julai 2006

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

Syarikat	Tanah dan bangunan*	Pembinaan sedang dijalankan	Lain-lain hartanah, loji dan peralatan**	Jumlah
Penilaian/Kos	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Susutnilai Terkumpul				
Pada 1 Ogos 2005	1,948	–	21,183	23,131
Caj bagi tahun semasa	239	–	1,312	1,551
Pelupusan	–	–	(2,350)	(2,350)
Hapuskira	–	–	(868)	(868)
Pada 31 Julai 2006	2,187	–	19,277	21,464
Nilai Buku Bersih				
Pada 31 Julai 2006				
Pada kos	22,707	12,903	2,193	37,803
Pada penilaian	2,689	–	–	2,689
	25,396	12,903	2,193	40,492
Pada 31 Julai 2005				
Pada kos	22,898	22,432	3,635	48,965
Pada penilaian	2,737	–	–	2,737
	25,635	22,432	3,635	51,702
Butiran pada 1 Ogos 2004				
Pada kos	24,071	22,378	31,080	77,529
Pada penilaian	3,403	–	–	3,403
Susutnilai terkumpul	1,709	–	25,156	26,865
Susutnilai untuk 2005	239	–	1,981	2,220

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

* Tanah dan bangunan

Syarikat	Tanah milik bebas RM'000	Bangunan atas tanah milik bebas RM'000	Tanah pegang pajak jangka panjang RM'000	Bangunan pegang pajak jangka panjang RM'000	Tanah pegang pajak jangka pendek RM'000	Bangunan pegang pajak jangka pendek RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Ogos 2005/ 31 Julai 2006	15,352	10,468	145	115	1,059	444	27,583
Mewakili:							
Pada kos	14,572	9,608	–	–	–	–	24,180
Pada penilaian	780	860	145	115	1,059	444	3,403
Susutnilai Berkumpul							
Pada 1 Ogos 2005	–	1,522	34	32	251	109	1,948
Caj untuk tahun semasa	–	208	2	2	18	9	239
Pada 31 Julai 2006	–	1,730	36	34	269	118	2,187
Nilai Buku Bersih							
Pada 31 Julai 2006							
Pada kos	14,572	8,135	–	–	–	–	22,707
Pada penilaian	780	603	109	81	790	326	2,689
Pada 31 Julai 2005							
Pada kos	14,572	8,326	–	–	–	–	22,898
Pada penilaian	780	620	111	83	808	335	2,737
Butiran pada 1 Ogos 2004							
Pada kos	14,572	9,499	–	–	–	–	24,071
Pada penilaian	780	860	1,204	559	–	–	3,403
Susutnilai terkumpul	–	1,314	265	130	–	–	1,709
Susutnilai untuk 2005	–	208	2	2	18	9	239

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 124 – 31 Julai 2006

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

** Lain-lain hartanah, loji dan peralatan

Syarikat	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan RM'000	Loji, mesin dan peralatan RM'000	Jumlah RM'000
Kos				
Pada 1 Ogos 2005	9,022	12,315	3,481	24,818
Penambahan	101	128	–	229
Pelupusan	(2,258)	(128)	(323)	(2,709)
Hapuskira	–	(514)	(354)	(868)
Pada 31 Julai 2006	6,865	11,801	2,804	21,470
Susutnilai Terkumpul				
Pada 1 Ogos 2005	6,946	10,779	3,458	21,183
Caj bagi tahun semasa	591	702	19	1,312
Pelupusan	(1,914)	(116)	(320)	(2,350)
Hapuskira	–	(513)	(355)	(868)
Pada 31 Julai 2006	5,623	10,852	2,802	19,277
Nilai Buku Bersih				
Pada 31 Julai 2006	1,242	949	2	2,193
Pada 31 Julai 2005	2,076	1,536	23	3,635
Butiran pada 1 Ogos 2004				
Pada kos	14,991	12,499	3,590	31,080
Susutnilai terkumpul	11,434	10,257	3,465	25,156
Susutnilai untuk 2005	959	922	100	1,981

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

- (a) Butiran mengenai penilaian jurunilai profesional bebas pada tanah dan bangunan-bangunan yang dimiliki oleh Kumpulan pada 31 Julai 2006 yang dinilai semula pada tahun 1991 menggunakan kaedah pasaran terbuka adalah seperti berikut:

Tanah dan bangunan pegangpajak jangka panjang dan jangka pendek:

Butir-butir hartanah	Tahun pajakan tamat	Jumlah RM'000
Tanah dan bangunan pegangpajak jangka panjang di Jalan Gopeng, Ipoh, Perak Darul Ridzuan	2078	260
Tanah dan bangunan pegangpajak jangka panjang di Jalan Gopeng, Ipoh, Perak Darul Ridzuan	2078	260
Tanah dan bangunan pegangpajak jangka pendek di Jelapang, Ipoh, Perak Darul Ridzuan	2043	592
Tanah dan bangunan pegangpajak jangka pendek di Jelapang, Ipoh, Perak Darul Ridzuan	2050	911
Tanah kuari dan bangunan pegangpajak jangka pendek di Kuala Dipang, Perak Darul Ridzuan	2022	14,500
		16,523

Tanah dan bangunan milik bebas:

Butir-butir hartanah	Jumlah RM'000
Tanah dan bangunan milik bebas di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	1,240
Tanah dan bangunan milik bebas di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	400
Tanah dan bangunan milik bebas di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	412
Bangunan di Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	288
	2,340

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 126 – 31 Julai 2006

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

- (b) Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan Kumpulan dan Syarikat ialah hartanah, loji dan peralatan yang telah disusutnilaikan penuh, masih digunakan pada kos masing-masing berjumlah RM76,327,000 (2005: RM74,548,000) and RM12,166,000 (2005: RM12,487,000).
- (c) Sekiranya hartanah, loji dan peralatan pada penilaian dinyatakan pada kos sejarah ditolak susutnilai terkumpul, nilai buku bersih untuk setiap kelas hartanah, loji dan peralatan yang sepatutnya direkodkan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Tanah dan bangunan milik bebas	1,377	1,420	1,009	1,039
Tanah dan bangunan pegangpajak jangka panjang	833	861	656	679
Tanah dan bangunan pegangpajak jangka pendek	114	121	–	–

12. SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Saham tidak tersiarharga, pada kos Tolak: Kerugian rosotnilai terkumpul	352,125 (16,290)	352,125 (16,290)
	335,835	335,835

Nama Syarikat	Modal Berbayar RM	Kepentingan Berkesan		Aktiviti-aktiviti Utama
		2006 %	2005 %	
Subsidiari-subsidiari berdaftar di Malaysia				
Gammau Construction Sdn. Bhd.	6,000,000	100	100	Tidak aktif
Gamuda Engineering Sdn. Bhd.	770,000	100	100	Pembinaan infrastruktur dan kejuruteraan awam
Megah Landscape Sdn. Bhd.	500,000	100	100	Pembekalan bahan landskap dan peruntukan servis landskap
Gamuda Land Sdn. Bhd.	2	100	100	Tidak aktif
Gamuda Paper Industries Sdn. Bhd.	18,000,000	95	95	Penyewaan hartanah
GPI Trading Sdn. Bhd.	2	95	95	Tamat operasi kertas
Gamuda Trading Sdn. Bhd.	109,000	100	100	Perdagangan bahan pembinaan
Gamuda Water Sdn. Bhd.	2,000,000	80	80	Pengendalian dan penyelenggaraan loji-loji penapisan air

12. SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMB.)

Nama Syarikat	Modal Berbayar RM	Kepentingan Berkesan		Aktiviti-aktiviti Utama
		2006 %	2005 %	
Subsidiari-subsidiari berdaftar di Malaysia				
G.B. Kuari Sdn. Bhd.	750,000	100	100	Pengendalian kuari dan perataan jalanraya dan perkilangan "premix"
Ganaz Bina Sdn. Bhd.	3,000,000	100	100	Pembinaan infrastruktur dan kejuruteraan awam
GIT Services Sdn. Bhd.	100,000	100	100	Perdagangan dan perkhidmatan teknologi maklumat
Hala Bayu (M) Sdn. Bhd. ^	2	100	–	Pelaburan dan pembangunan hartanah
Harum Intisari Sdn. Bhd.	6,450,000	100	100	Pelaburan dan pembangunan hartanah
Bandar Botanic Resort Berhad	1,000,000	100	100	Tidak aktif
Botanic Property Services Sdn. Bhd.	2	100	100	Pengendalian perkhidmatan hartanah
Masterpave Sdn. Bhd.	2,500,000	100	100	Perkilangan, pengedaran dan perletakan barangan perataan jalanraya
Megah Capital Sdn. Bhd.	2	100	100	Perdagangan dan pegangan pelaburan
Megah Management Services Sdn. Bhd.	50,000	100	100	Ejen insurans
Megah Sewa Sdn. Bhd.	100,002	100	100	Penyewaan loji dan mesin
Valencia Development Sdn. Bhd.	5,370,000	99	99	Pembangunan hartanah
Valencia Township Sdn. Bhd.	2	99	99	Pengendalian pusat perumahan bandar dan kelab golf dan perkhidmatan penyelenggaraan berkenaan
Rebung Property Services Sdn. Bhd.* ^	2	99	–	Pengendalian perkhidmatan hartanah
Reka Strategi Sdn. Bhd.*	2	100	100	Tidak aktif
Idaman Lantas Sdn. Bhd.*	2	100	100	Tidak aktif
Setara Hati Sdn. Bhd.*	2	100	100	Tidak aktif
Subsidiari berdaftar di British Virgin Islands				
Gamuda Overseas Investment Ltd.	US\$100,000	100	100	Pegangan pelaburan

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 128 – 31 Julai 2006

12. SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMB.)

Nama Syarikat	Modal Berbayar	Kepentingan Berkesan		Aktiviti-aktiviti Utama
		2006 %	2005 %	
Subsidiari berdaftar di Mauritius				
Gamuda (Offshore) Private Limited *	US\$1,000	100	100	Pegangan pelaburan
Subsidiari berdaftar di India				
Gamuda (India) Private Limited *	Rps100,000	100	100	Tidak aktif
Dipegang oleh Gamuda (Offshore) Private Limited:				
Gamuda – WCT (India) Private Limited *	Rps100,000	70	70	Pembinaan infrastruktur dan kejuruteraan awam
Subsidiari berdaftar di Kingdom of Bahrain				
Gamuda (Bahrain) W.L.L *	BD20,000	99.5	99.5	Pembinaan infrastruktur dan kejuruteraan awam
Subsidiari-subsidiari yang tidak diperbadankan				
Gamuda Berhad – Kumpulan Darul Ehsan Berhad – The Sweet Water Alliance Sdn. Bhd. Joint Venture ("GKTJV")	–	70	70	Pembinaan infrastruktur dan kejuruteraan awam
Gamuda Berhad – Mujur Minat Sdn. Bhd. Joint Venture ("GMMJV")	–	70	70	Pembinaan infrastruktur dan kejuruteraan awam

* Diaudit oleh firma audit selain daripada Ernst & Young, Malaysia

^ Subsidiari baru yang diperolehi pada tahun semasa

Butiran mengenai subsidiari yang tidak diperbadankan adalah seperti berikut:

Entiti	Rakan Kongsi Entiti Usahasama	Aktiviti Ekonomi
GKTJV	Gamuda Berhad, Kumpulan Darul Ehsan Berhad and The Sweet Water Alliance Sdn. Bhd.	Pengendalian kejuruteraan awam dan pembinaan infrastruktur empangan dan kemudahan perawatan air bagi Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 3
GMMJV	Gamuda Berhad and Mujur Minat Sdn. Bhd.	Pengendalian kejuruteraan awam dan pembinaan infrastruktur Skim Sistem Penyuraian Trafik Kuala Lumpur-Barat

Kedua-dua GKTJV dan GMMJV adalah usahasama tidak diperbadankan yang dibentuk di bawah perjanjian usahasama. Menurut Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia No.16: Penyata Kewangan bagi Usahasama, kedua-dua GKTJV dan GMMJV dianggap sebagai subsidiari kepada Gamuda Berhad berdasarkan kuasa Syarikat dalam mempengaruhi pengendalian kewangan dan polisi operasi entiti-entiti tersebut.

12. SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (SAMB.)

Pembelian Saham-saham dalam Subsidiari

Pada 14 April 2006, Gamuda Berhad telah melanggan kesemua modal saham yang diterbitkan dan yang dibayar dari Hala Bayu (M) Sdn. Bhd., yang merangkumi 2 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi ganjaran tunai sebanyak RM2.00.

Pada 14 April 2006, Valencia Development Sdn. Bhd., sebuah subsidiari milik 98.8% Gamuda Berhad, telah melanggan kesemua modal saham yang diterbitkan dan yang dibayar dari Rebung Property Services Sdn. Bhd., yang merangkumi 2 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi ganjaran tunai sebanyak RM2.00.

Pembelian saham biasa pada Hala Bayu (M) Sdn. Bhd. dan Rebung Property Services Sdn. Bhd. tiada kesan kepada penyata kewangan Kumpulan dari tarikh pembelian sehingga 31 Julai 2006 kerana perolehan daripada pihak luar adalah tidak material.

13. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Saham tidak tersiarharga di Malaysia:				
Pada kos:				
– Saham biasa	142,185	125,185	142,185	125,185
– Saham keutamaan boleh tebus	547,625	399,215	547,625	399,215
	689,810	524,400	689,810	524,400
Perkongsian rizab Kumpulan selepas pengambilalihan	157,663	173,338	–	–
Tolak: Kerugian rosotnilai terkumpul	(28,235)	(28,235)	(69,885)	(69,885)
	819,238	669,503	619,925	454,515
Saham tidak tersiarharga di luar Malaysia:				
Pada kos:				
– Saham biasa	11	11	–	–
– Saham keutamaan boleh tebus	183,134	183,880	–	–
	183,145	183,891	–	–
Perkongsian rizab Kumpulan selepas pengambilalihan	19,183	1,483	–	–
	202,328	185,374	–	–
	1,021,566	854,877	619,925	454,515
Saham tersiarharga di Malaysia:				
Pada kos:				
– Saham biasa	229,648	179,020	229,648	179,020
Perkongsian rizab modal Kumpulan	50,129	75,817	–	–
Perkongsian keuntungan Kumpulan selepas pengambilalihan, bersih daripada dividen boleh terima	115,883	93,199	–	–
Pembayaran balik modal	(48,692)	–	(48,692)	–
	346,968	348,036	180,956	179,020
	1,368,534	1,202,913	800,881	633,535
Nilai pasaran:				
Saham tersiarharga, di Malaysia	478,728	445,464	478,728	445,464

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 130 – 31 Julai 2006

13. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMB.)

Kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dianalisa seperti berikut:

	2006 RM'000	2005 RM'000
Saham tidak tersiarharga, di Malaysia dan di luar Malaysia		
– Perkongsian aset bersih	977,355	854,877
– Muhibah daripada pembelian	44,211	–
Saham tersiarharga, di Malaysia		
– Perkongsian aset bersih	346,968	348,036
	1,368,534	1,202,913

Butiran berkenaan syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Modal Saham Berbayar RM	Kepentingan berkesan		Aktiviti Utama
		2006 %	2005 %	
Syarikat-syarikat bersekutu ditubuhkan di Malaysia				
Dyna Plastics Sdn. Bhd.	48,001,720	41	41	Tamat operasi
Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad	172,300,000	40	30	Pegangan pelaburan dan perutukan perkhidmatan pengurusan
Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd	50,000,001	40	30	Pemegang konsesi Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 1 dan 3
Hicom-Gamuda Development Sdn. Bhd.	6,053,004	50	50	Pembangunan hartanah
Danau Permai Resort Berhad	5,500,000	50	50	Pemilik dan pengurus kelab golf
Kota Kemuning Nursery & Landscaping Sdn. Bhd.	800,000	50	50	Pembekalan bahan landskap dan peruntukan perkhidmatan landskap
HGD Property Services Sdn. Bhd.	2	50	50	Pengendalian perkhidmatan hartanah
HGD Properties Sdn. Bhd.	2	50	50	Tidak aktif
Kesas Holdings Berhad	470,914,840	30	30	Pegangan pelaburan
Kesas Sdn. Bhd.	5,000,000	30	30	Pegangan konsesi lebuhraya

13. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMB.)

Nama Syarikat	Modal Saham Berbayar RM	Kepentingan berkesan		Aktiviti Utama
		2006 %	2005 %	
Syarikat-syarikat bersekutu ditubuhkan di Malaysia				
Lingkar Trans Kota Holdings Berhad (Saham tersiarharga di Malaysia)	487,004,618	42	38	Pegangan pelaburan dan peruntukan perkhidmatan pengurusan
Lingkar Trans Kota Sdn. Bhd	50,000,000	42	38	Pegangan konsesi lebuhraya
Penyenggaraan Litrak Sdn. Bhd.	2	42	38	Pengendalian perkhidmatan Lebuhraya
Sukma Sinaran Sdn. Bhd.	2	42	38	Pegangan pelaburan
Litrak Sdn. Bhd.	2	42	38	Tidak aktif
Semarak Zaman Sdn. Bhd.	2	42	38	Tidak aktif
Midawasa Sdn. Bhd.	1,000	42	38	Tidak aktif
Madang Permai Sdn. Bhd.	5,000,000	36	36	Pegangan konsesi lebuhraya
Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Holdings Sdn. Bhd.	11,540,000	51	49	Pegangan pelaburan
Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd.	50,000,000	51	49	Pegangan konsesi lebuhraya
Dipegang oleh Kesas Holdings Berhad, Lingkar Trans Kota Holdings Berhad and Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Holdings Sdn. Bhd.				
ETC Links Sdn. Bhd.	600,003	41	39	Penyewaan perisian dan peralatan berkaitan
Syarikat-syarikat bersekutu diperbadankan di Mauritius				
Dipegang oleh Gamuda (Offshore) Private Limited:				
Suria Holding (O) Pvt. Ltd.	US\$13,909,096	50	50	Pegangan pelaburan
Gamuda – WCT (Offshore) Private Limited	US\$13,484,429	50	50	Pegangan pelaburan

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

ms 132 – 31 Julai 2006

13. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (SAMB.)

Nama Syarikat	Modal Saham Berbayar	Kepentingan berkesan		Aktiviti Utama
		2006 %	2005 %	
Syarikat-syarikat bersekutu diperbadankan di India				
Dipegang oleh Suria Holding (O) Pvt. Ltd.:				
Emas Expressway Private Limited	Rps1,008,840,570	50	50	Pegangan konsesi lebuhraya
Dipegang oleh Gamuda – WCT (Offshore) Private Limited:				
Mapex Infrastructure Private Limited	Rps1,695,999,270	50	50	Pegangan konsesi lebuhraya

Pada tahun kewangan, Kumpulan telah memperoleh 10% kepentingan ekuiti tambahan dalam Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad bagi pertimbangan tunai sebanyak RM135,000,000 dan 4% kepentingan ekuiti tambahan dalam Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad bagi pertimbangan tunai sebanyak RM50,628,000.

14. ENTITI-ENTITI USAHASAMA DIKAWAL BERSAMA

	Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000
Saham tidak tersiarharga, pada kos	141,000	64,000

Butiran berkenaan entiti-entiti usahasama dikawal bersama adalah seperti berikut:

Nama Entiti Dikawal Bersama	Kepentingan Berkesan		Aktiviti Ekonomi
	2006 %	2005 %	
Tidak Diperbadankan di Malaysia			
Malaysia Mining Corporation Berhad – Gamuda Berhad Joint Venture ("MMC – Gamuda JV")	50	50	Untuk menjalankan kejuruteraan infrastruktur, membeli keperluan binaan dan membina terowong bersepadu merangkap laluan di Kuala Lumpur
Projek Smart Holdings Sdn. Bhd.	50	50	Pegangan pelaburan
Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd.	50	50	Melaksanakan, menjalankan dan implimentasi Pintasan Terowong merangkap Motorway bersepadu di Kuala Lumpur

